



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGISIAN JAWATAN SECARA MENYELURUH OLEH JPA**

---

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengambil perhatian akan isu-isu perjawatan yang melibatkan sektor kesihatan, keselamatan, pendidikan dan penguatkuasaan.
2. Pada tahun 2022, JPA telah meluluskan pengisian sebanyak 40,729 jawatan bagi Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Tumpuan keperluan pengisian jawatan adalah bagi pengoperasian fasiliti yang telah siap dan skim-skim perkhidmatan kritikal di sektor seperti mana yang dinyatakan di atas.
3. JPA sentiasa komited terhadap keperluan pengisian jawatan bagi semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Keluarga Malaysia pada tahap optimum dan terbaik apatah lagi ketika negara sedang berada di fasa peralihan endemik dan pemulihan negara.
4. Semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah mengikuti kelayakan dan peraturan sedia ada bagi pengisian jawatan yang telah diluluskan.

**Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

**23 Mei 2022**

###

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088 / 3146

E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (29)